

# Niaga!



niagakosmo@mediamulia.com.my

## RM3.5j untuk 800 usahawan asnaf

**KUALA LUMPUR** – Bank Rakyat komited memperkasa usahawan asnaf menerusi program RAKYATpreneur dan UNIPreneur 2023 dengan peruntukan dana keseluruhan berjumlah RM3.5 juta untuk 800 usahawan asnaf berpotensi.

Kedua-dua program yang bermula pada Jun sehingga November 2023 itu merupakan kesinambungan daripada kejayaan program rintis sebelum ini.

Ia bertujuan untuk membangunkan kapasiti dan daya saing usahawan serta siswa asnaf menerusi latihan selain bimbingan keusahawanan di samping pemantauan secara inklusif.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick berkata, sejak pengenalan pada 2020, program berkenaan telah memanfaatkan 1,833 peserta dengan penyaluran dana berjumlah RM11 juta.

“Kedua-dua program ini, yang merupakan inisiatif kewangan sosial di bawah rangkaian program iTEKAD yang diwujudkan oleh Bank Negara Malaysia mampu memberi impak meluas khususnya kepada golongan usahawan asnaf dan mikro yang menghadapi kekangan dalam mendapatkan bantuan dan sumber kewangan.



**EWON (tiga dari kiri) merasmikan program RAKYATpreneur dan UNIPreneur 2023 di Menara Berkembar Bank Rakyat Kuala Lumpur semalam.**

“Ini juga dilihat dapat memainkan peranan penting dalam mengukuhkan kedudukan ekonomi serta menjamin kestabilan sosial menerusi pengurangan jurang pendapatan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian di Menara Berkembar Bank Rakyat di sini

semalam.

Sementara itu, Pemangku Pengurus Bank Rakyat, Datuk Mohd. Irwan Mohd. Mubarak berkata, RAKYATpreneur 2023 melibatkan penyertaan 300 peserta dari seluruh negara dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara sebagai rakan pelaksana

dengan peruntukan RM2.1 juta.

“Sementara Bank Rakyat UNIPreneur 3.0 yang merupakan kerjasama Bank Rakyat dengan institusi pengajian tinggi tempatan, melihat penyertaan 500 usahawan siswa asnaf dari 20 buah universiti terpilih dengan peruntukan RM1.65 juta.

“Peserta program RAKYATpreneur bagi tahun 2022 telah berjaya merekodkan hampir 60 peratus peningkatan kadar jualan, manakala 66 peratus usahawan siswa asnaf Bank Rakyat UNIPreneur mencatatkan kenaikan kadar jualan sepanjang program ini berlangsung,” tambahnya.